

17/12/2000

Piala Perdana kian mencabar

Mohd Ali Majid

KEJAYAAN menganjur kejohanan Piala Perdana musim ini merangsang penganjurnya ARL Marketing Sdn Bhd untuk menjayakan kejohanan yang sama lebih meriah lagi pada musim 2001 nanti.

Kejohanan merebut Piala Perdana yang diwujudkan pada 1991 sempena hari kelahiran Perdana Menteri Dr Mahathir Mohammad ini akan diadakan dua peringkat.

Peringkat pertama iaitu Cabaran Piala Perdana yang menemukan ekuin dari pelbagai negara akan diadakan di Bukit Kiara Equestrian & Country Resorts pada 12-15 April.

Sementara peringkat kedua iaitu Cabaran Akhir Piala Perdana akan diadakan di tempat yang sama pada 9-12 Ogos depan.

Dijangka lebih 100 ekuin dari dalam luar negara akan bertarung dalam kejohanan ini yang juga menjadi gelanggang menguji keupayaan ekuin negara yang bakal bersaing di Sukan Sea 2001 di Kuala Lumpur September nanti.

Ekuin show jumping dan dressage negara yang juga atlit projek gemilang 2001 seperti Quzier Ambak, Azni Azar, Eric Koh, Ruzailina Zainal Abidin, Syed Omar Syed Abu Bakar, Qabil Ambak, Quzandria Nur, Zahir Abdullah, Saskia Karina Baharuddin pasti tidak lepas peluang untuk mempamerkan kehebatan masing-masing.

Begitu juga ekuin 3-Days Event yang kini berada di New Zealand seperti Ashraff Dewal, James Ravindran, Tunku Nazroff Tunku Moxsin, S Lingesparan, Husraf Malik turut beraksi untuk memanas badan.

Kejohanan ini di samping mempamerkan kejaguan masing-masing turut dijadikan asas oleh Persatuan Equestrian Malaysia (EAM) untuk menilai keupayaan mereka sebelum disenaraikan untuk Sukan Sea 2001 nanti.

Keupayaan mereka turut dinilai oleh jurulatih dressage dari Sweeden, Eva Frantzich yang membantu jurulatih kebangsaan, Peter Imran Winton Abdullah yang melatih ekuin show jumping.

Saingan dijangka lebih hebat dengan kehadiran ekuin dari Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina yang turut menjadikan kejohanan ini sebagai gelanggang ujian kepada ekuin mereka untuk tujuan yang sama.

Selain mereka jaguh luar negara yang turut serta termasuk Jason Cheon dari Korea, Chris Ladbrook (New Zealand), Halena Gabrielson (Sweden) dan Nina Melkonian (Jerman) yang tidak asing lagi dalam kejohanan sebelum ini.

(END)